

BAB 8 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia

Panduan RPH			
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)
4.2 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2.1 Mengenal pasti jaringan landasan kereta api, lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Asia	Buku Teks m.s 122-127	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3 TP1 TP1
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, peta Asia, foto pengangkutan di Asia	Bus Stop	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global	–	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang jenis pengangkutan di Asia yang merangkumi jalan darat, jalan air dan jalan udara.
2. Guru menunjukkan peta jaringan landasan kereta api utama di Asia, kedudukan lapangan terbang antarabangsa utama di Asia dan kedudukan pelabuhan utama di Asia dalam buku teks halaman 122 hingga 127.
3. Murid menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 84 dan 85.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Guru menampal beberapa foto lapangan terbang dan pelabuhan utama di Asia di dinding di beberapa tempat di dalam kelas.
6. Murid bergerak dari satu stesen ke stesen yang lain secara berkumpulan dan berbincang tentang foto yang ditampal.
7. Murid berkongsi maklumat dan merekodkan maklumat yang diperolehi.

Panduan RPH			
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)
4.2 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2.2 Menghuraikan kemajuan pengangkutan di Asia	Buku Teks m.s 128	Soalan 4 TP2
BBM	PAK-21	KBAT	
Buku teks, foto Shinkansen di Jepun, peta landasan kereta api berkelajuan tinggi di Jepun	Skesta	Menganalisis	
EMK	i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global, kreativiti dan inovatif	–	Bekerjasama, toleransi	

Cadangan PdPc

1. Guru berbincang bersama murid tentang kemajuan jaringan landasan kereta api Shinkansen di Jepun.
2. Murid menjawab soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 86.
3. Guru memilih beberapa orang murid untuk mempersembahkan satu skesta tentang kereta api Shinkansen di Jepun.
4. Murid-murid yang dipilih menyediakan satu skesta yang menunjukkan kemajuan Shinkansen, kepentingan Shinkansen dan keistimewaan Shinkansen.
5. Situasi mereka adalah berada di dalam kereta api Shinkansen.
6. Skesta ini memberi peluang kepada murid untuk membuktikan kefahaman mereka terhadap kemajuan kereta api Shinkansen di Jepun.

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
4.2 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2.2 Menghuraikan kemajuan pengangkutan di Asia	Buku Teks m.s 129	Soalan 5	TP2	87
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, foto pengangkutan udara di Dubai (UEA)		Buku Skrap	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian global, kreativiti		Peta alir	Bekerjasama, toleransi		
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang kemajuan pengangkutan udara di Dubai (Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai). 2. Murid menjawab soalan 5 dalam buku Power Up Geografi halaman 87. 3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 4. Setiap kumpulan mencari dan mengumpulkan foto-foto yang menunjukkan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalamnya. 5. Kemudian, murid menghasilkan sebuah buku skrap yang menarik tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai. 6. Peta alir yang menunjukkan kemajuan lapangan terbang tersebut disertakan dalam buku skrap tersebut. 7. Buku skrap yang telah siap diletakkan di Sudut Geografi di dalam kelas.					

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)					
4.2 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2.2 Menghuraikan kemajuan pengangkutan di Asia	Buku Teks m.s 130	Soalan 6 Soalan 7 Soalan 8	TP2 TP5 TP6	88 - 89
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, foto pelabuhan di Hong Kong		Persembahan	Menganalisis		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta bulatan	Bekerjasama, toleransi		
Cadangan PdPc					
1. Guru menerangkan kepada murid tentang kemajuan pengangkutan air di Hong Kong, iaitu Pelabuhan Hong Kong. 2. Murid menjawab soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 88. 3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 4. Setiap kumpulan mencari maklumat tentang Pelabuhan Hong Kong. 5. Mengikut kreativiti masing-masing, maklumat yang dikumpulkan persembahkan di hadapan kelas. 6. Persembahan murid dalam bentuk (a) lisan (b) lakonan (c) pameran (d) powerpoint (e) dan lain-lain 7. Guru membuat penilaian dan memberi maklum balas. 8. Murid juga menjalankan aktiviti (soalan 7 dan soalan 8) dalam buku Power Up Geografi halaman 89.					

Panduan RPH				Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)				
4.2 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2.3 Menilai kesan pengangkutan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar di Asia	Buku Teks m.s 131		Soalan 9	TP3	90
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks		Round Table		Menilai		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta bulatan		Bekerjasama, toleransi		
Cadangan PdPc						
1. Guru berbincang bersama murid tentang kesan kemajuan pengangkutan terhadap masyarakat dan ekonomi di Asia. 2. Murid menjawab soalan 9 dalam buku Power Up Geografi halaman 90. 3. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan. 4. Guru memberikan dua lembaran kerja kepada setiap kumpulan yang mengandungi peta bulatan. Tajuk peta bulatan tersebut ialah “Kesan pengangkutan terhadap masyarakat di Asia” dan “Kesan pengangkutan terhadap ekonomi negara Asia”. 5. Secara berkumpulan, murid bergilir-gilir menulis jawapan di atas kertas yang sama dan menggunakan pen yang sama. 6. Peta i-THINK yang telah diisi jawapan diserahkan kepada guru untuk dinilai. 7. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.						
Panduan RPH				Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)				
4.2 Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2.3 Menilai kesan pengangkutan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar di Asia	Buku Teks m.s 131		Soalan 10 Soalan 11	TP4 TP4	91
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks		Gallery Walk		Menilai		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		Peta pokok		Bertanggungjawab		
Cadangan PdPc						
1. Guru berbincang bersama murid tentang kesan kemajuan pengangkutan terhadap alam sekitar di negara Asia. 2. Murid menjawab soalan 10 dan soalan 11 dalam buku Power Up Geografi halaman 91. 3. Murid dibahagikan kepada enam kumpulan. 4. Dua kumpulan diberikan tugas tentang kesan positif kemajuan pengangkutan terhadap alam sekitar di negara Asia. 5. Dua kumpulan diberikan tugas tentang kesan negatif kemajuan pengangkutan terhadap alam sekitar di negara Asia. 6. Dua kumpulan lagi perlu membandingkan kesan kemajuan pengangkutan terhadap alam sekitar antara dua buah negara di Asia. 7. Setiap kumpulan menyiapkan tugas mereka dalam bentuk kertas sebak dan ditampal di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain. 8. Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada <i>sticky note</i> dan menampal pada hasil kerja tersebut. 9. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan pada akhir pembelajaran.						